

# MANUAL BACKUP DAN RESTORE

## MOHON BACA DENGAN TELITI SEBELUM MEMBUAT PROSES RESTORE

Laman web *jsports.com.my* mempunyai satu laman web backup yang boleh digunakan jika laman web utama mengalami kegagalan.

Laman web backup adalah

*jsports2.com.my*

Nama folder yang seterusnya dan cara untuk login adalah sama sahaja dengan laman web utama.

Walaupun bagaimanapun, laman web backup ini hanya boleh digunakan untuk urusan pertandingan sahaja dan bukannya untuk tujuan pendaftaran dan pengguna melihat keputusan pertandingan.

### **Backup Data**

Pengguna boleh membuat backup data dari user **urusetia** atau **admin**. Klik Backup pada pilihan ----- Utiliti -----



Proses download atau Save File akan dimulakan (bergantung kepada setting browser). Fail backup akan disimpan di komputer (ingat lokasi fail backup tersebut).

Format *Default* nama fail backup adalah

backup\_(*folderutama*)\_(*folderkejuhanan*)\_tahunbulanhari-jamminit.sql

**Perhatian** : Sila buat arahan backup ini sepanjang masa dengan kekerapan yang tinggi kerana apabila proses Restore dilakukan, hanya data yang kali terakhir dibuat backup sahaja yang akan di restore.


## **Restore Data**

Hanya user **admin** sahaja yang boleh membuat proses Restore.

Anda boleh membuat proses Restore ini samada ke laman web utama (*jsports.com.my*) atau ke laman web backup (*jsports2.com.my*).

**Peringatan :** Semua data asal yang ada dalam sistem akan dipadamkan dan digantikan dengan data yang terdapat dalam fail backup apabila proses Restore dilaksanakan.

Klik Restore pada Utiliti



Paparan berikut akan ditunjukkan.

<b><u>Perhatian :</u></b> Pilih fail backup yang dikehendaki. Restore akan menggantikan data yang sedia ada dengan data dari fail backup.
Pilih fail backup :
<input type="button" value="Browse..."/> No file selected.
<input type="button" value="Restore"/>

Klik Browse.

Pilih fail backup yang disimpan dalam komputer.

Klik Restore.

Proses Restore hanya akan dilaksanakan jika folder fail backup adalah sama iaitu dari laman web utama dan laman web backup.

### **Makluman**

Anda boleh membuat urusan kekhidmatan di *jsports2.com.my* dan kemudiannya restore di *jsports.com.my* secara berkala untuk umum mengetahui keputusan semasa.

### **PERINGATAN MESRA :**

Selalulah membuat Backup dan berhati-hati memilih fail backup apabila melakukan proses Restore.

Terima kasih.